

RENCANA

Sejak kecil dibesarkan dalam persekitaran keluarga bomba

MOHD RIDZUAN ABU HASSAN

HULU SELANGOR

Jiwa kebombaan seakan sudah sebatikan dalam diri dan darah perwira mengalir ke seluruh badan apabila sejak kecil dibesarkan di persekitaran keluarga bomba.

Balai bomba bukan lagi asing kerana menjadi sebahagian tempat bermain dan sering memerhatikan pergerakan anggota pasukan penyelamat itu melakukan rutin harian.

Keinginan bergelar seorang anggota Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) dibuktikan melalui penglibatan secara aktif dalam pasukan beruniform Kadet Bomba ketika di zaman persekolahan.

Anak kedua daripada tujuh beradik, Kamil Hamadan, 32, merealisasikan impiannya apabila kini memikul tanggungjawab sebagai Ketua Balai Bomba dan Penyelamat Kuala Kubu Bharu sejak tiga tahun lalu dengan pangkat penolong penguasa bomba.

Kamil berkata, bapanya, Hamadan Mat Piah, 59, juga pernah menjawat ketua balai sebelum



Kamil dan anggota Balai Bomba dan Penyelamat Kuala Kubu Bharu bersama Timbalan Pengarah JBPM Selangor.



Bapanya juga seorang anggota JBPM yang berdedikasi sepanjang tempoh berkhidmat.

Naluri menyelamat sebatikan dalam diri

menamatkan perkhidmatan dengan jawatan terakhir sebagai pegawai bomba kanan di Balai Bomba dan Penyelamat Batu Gajah, Perak.

Menurutnya, sebaik tamat persekolahan di Sekolah Menengah Teknik Ipoh, dia melanjutkan pelajaran ke Universiti Teknologi Mara (UTM) Pulau Pinang dalam pengajian Diploma Kejuruteraan Elektrik.

"Kemudian sambung ijazah di UTM Shah Alam tetapi masuk semester kedua, saya terima tawaran pengambilan anggota JBPM.

"Saya menjalani latihan di Akademi Bomba Wakaf Tapai dan Kuala Kubu Bharu yang pada masa sama mengikuti pengajian Diploma Sains Kebakaran.



"Anggota bomba memang cita-cita saya sejak kecil dengan menjadikan ayah sebagai hero dan inspirasi memandangkan dalam adik-beradik, hanya saya seorang sahaja yang mengikut jejak

langkah ayah," katanya.

Bapa kepada dua anak itu berkata, dia

memulakan tugas di Ibu Pejabat Bomba dan Penyelamat Kuala Lumpur pada 2011 sebagai pegawai penguatkuasa di bahagian keselamatan kebakaran selama empat tahun.

Menurutnya, kini dia menyangand tugas ketua balai yang lebih tertumpu kepada operasi dan pengalaman itu amat penting dalam mempertingkatkan kemahiran serta ilmu kebombaan.

"Masih panjang perjalanan dalam kerjaya ini maka sudah pasti banyak cabaran bakal ditempuh namun ia lumrah bagi anggota badan beruniform," ujarnya lagi.



Pengalaman mengendalikan operasi amat bermakna buat Kamil dalam meningkatkan kemahiran.



Keluarga memberi sokongan penuh terhadap Kamil apabila mengikut jejak langkah bapa.

isteri dan anak sentiasa berada di sisi serta memahami kerjaya Kamil sebagai anggota penyelamat.